

## 3

## Ibadah Zakat Kelebihan dan Ancaman

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ،  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ شَهَادَةٌ تُنَجِّي قَائِلَهَا مِنْ  
عَذَابِ النَّارِ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.  
وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.

### Sidang Muslimin Yang Dirahmati Allah...

Terlebih dahulu khatib ingin berwasiat kepada diri sendiri dan saudara-saudara sekalian agar bertaqwalah kepada Allah s.w.t

dengan beramal soleh dan mengerjakan segala perintah-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya. Allah s.w.t berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ  
مُسْلِمُونَ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dan janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan beragama Islam.”

( QS Ali-Imran (3) : 102 )

### **Saudara Sidang Jemaah Yang Dimuliakan...**

Dalam kesempatan kali ini, khatib ingin menyampaikan khutbah bertajuk “**IBADAH ZAKAT – KELEBIHAN DAN ANCAMAN.**”

Bantu membantu dalam perkara kebajikan sesama muslim adalah merupakan perkara yang amat dituntut dalam syariat Islam. Perkara ini telah dijelaskan melalui firman Allah:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

Maksudnya: “...Dan bantu membantulah kamu di dalam perkara kebajikan dan ketaqwaan dan janganlah kamu bantu membantu dalam perkara-perkara kemaksiatan dan permusuhan.”

( QS al-Maidah (5):2 )

Ibadah zakat telah disyariatkan oleh Islam sejak awal tamadun manusia lagi. Menurut istilah Syarak, zakat adalah nama bagi sebahagian harta benda yang dikeluarkan atas perintah Allah s.w.t kepada amil yang ditauliahkan sebagai sedekah wajib untuk diagihkan kepada mereka yang telah ditetapkan menurut syarat-syarat yang telah ditentukan oleh Syarak.

### **Sidang Jemaah Yang Berbahagia...**

Seseorang yang mengeluarkan zakat daripada sebahagian hartanya akan mendapat balasan yang berlipat kali ganda seperti yang telah diberitakan oleh Allah s.w.t di dalam surah al-Baqarah ayat 261:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
 مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ  
 سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ  
 وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya: “Perbandingan orang-orang yang membelanjakan (berzakat) harta benda mereka pada jalan Allah adalah seperti sebiji benih yang tumbuh mencambahkan tujuh tangkai, dan setiap tangkai itu pula mempunyai seratus biji buah, dan (ketahuilah) Allah itu akan melipatgandakan ganjaran pahala bagi barang siapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah itu Maha Luas Kurniaan-Nya Lagi Maha Mengetahui.”

( QS al-Baqarah (2):261 )

Bagi orang-orang yang ingkar menunaikan kewajipan berzakat pula, meskipun di dunia hidupnya berada dalam kemewahan tetapi azab yang amat pedih akan menantinya di akhirat kelak.

Di dalam al-Quran terdapat banyak ayat-ayat celaan terhadap orang yang bakhil dalam membelanjakan hartanya pada jalan Allah seperti yang telah diberitakan di dalam surah Ali-Imran ayat 180:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
 وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَبْخُلُونَ بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرًا  
 لَّهُمْ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَّهُمْ سَيُطَوَّقُونَ مَا بَخِلُوا بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَاللَّهُ  
 مِيرَاثُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١٨٠﴾

Maksudnya: "...Sekali-kali janganlah orang-orang yang bakhil dengan harta yang Allah berikan kepada mereka dari kurniaannya menyangka bahawa kebakhilan itu baik bagi mereka. Sebenarnya kebakhilan itu adalah buruk bagi mereka. Harta yang mereka bakhilkan itu akan dikalungkan kelak dilehernya di hari kiamat. Dan kepunyaan Allah-lah segala warisan (yang ada) di langit dan di bumi. Dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan."

( QS Ali-Imran (3):180 )

Di dalam sahih Bukhari pula telah dinukilkan sabda Rasulullah s.a.w bahawa barang siapa yang Allah Taala kurniakan padanya harta tetapi tidak menunaikan zakatnya, maka pada hari kiamat hartanya akan bertukar menjadi ular yang amat berkilat kepalanya dan di bawah pipi ular itu terdapat dua titik (sebagai tanda teramat bisa racunnya) ular itu membelit pada lehernya dan mematuk pipinya dengan kuat sambil berkata: "Akulah hartamu, akulah simpananmu yang tidak engkau zakatkan."

Begitulah balasan Allah kepada barang siapa yang mengingkari perintah-Nya. Bayangkanlah betapa pedih dan sakitnya azab yang akan diterima oleh seseorang yang enggan mengeluarkan zakat hartanya. Mudah-mudahan kita tidak tergolong dalam golongan orang-orang yang bakhil justeru, terselamat daripada seksaan Allah yang amat pedih di hari akhirat kelak.

### **Kaum Muslimin Yang Sama-Sama Berbahagia...**

Sejajar dengan Muzakarah kali ke 76 Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bertarikh 21 November 2006 telah memutuskan bahawa mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah (amil yang ditauliahkan) adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa, kerana di dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau *Ulil Amri* dalam perkara kebaikan adalah wajib.

Allah s.w.t berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ  
فَإِن نَنزَعْنَهُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ  
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan Ulil-Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara,

*maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada Allah (al-Quran) dan RasulNya jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”*

( QS al-Nisa (4): 59 )

بَارِكَ اللَّهُ لِيُ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
 الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
 الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيُ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
 الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا  
 فَوَزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.